

**SULIT
3757/2
Ekonomi
Asas
Kertas 2
2009
2 Jam**



PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

**ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA CAWANGAN PERLIS**

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2. Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
- 3. Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.*
- 4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan*
- 5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak



Bahagian A**[75 markah]***Jawab tiga soalan sahaja.*

Kerajaan membelanjakan wang yang banyak setiap tahun bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Namun, tidak semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan kerana kerajaan juga menghadapi masalah ekonomi.

- 1 (a) Huraikan masalah ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan.

[3 markah]

Gambar 1 menunjukkan dua contoh barang dalam ekonomi.



Gambar 1

- (b) Bandingkan kedua-dua barang di atas dari segi ekonomi.

[5 markah]

Maklumat berikut berkaitan dengan **Negara X**.

Di negara ini, motif pengeluaran adalah untuk memberi kebajikan yang maksimum kepada masyarakat

- (c) (i) Nyatakan sistem ekonomi **Negara X**.

[1 markah]

- (ii) Selain daripada ciri di atas, nyatakan tiga ciri sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara tersebut.


[3 markah]

- (iii) Bagaimanakah Negara X menyelesaikan masalah asas ekonomi berbanding dengan negara Malaysia? [8 markah]
- (d) Puan Adlin merupakan seorang graduan daripada Universiti Sains Malaysia berhasrat untuk bekerja bagi menambah pendapatan keluarga. Cadangkan kepada Puan Adlin cara-cara yang boleh dilakukan bagi memperoleh pendapatan. [5 markah]
- 2 (a) Nyatakan 2 sebab pengeluar membuat pinjaman? [2 markah]

Gambar 2 menunjukkan rumah papan dan rumah banglo.



(a)



(b)

Gambar 2

- (b) Bezakan kedua-dua gambar tersebut dari segi ekonomi. [5 markah]

Jadual di bawah menunjukkan permintaan kereta Viva bagi tahun 2007 dan 2008.

Tahun	Harga (RM)	Permintaan (unit)
2007	RM36.000	20,000
2008	RM36.000	28,000

JADUAL 1

- (c) Berdasarkan jadual tersebut, jelaskan mengapa berlaku peningkatan dalam permintaan kereta Viva dari tahun 2007 hingga tahun 2008? [6 markah]

Jadual 2 menunjukkan jumlah kos, kos purata dan kos sut bagi Syarikat AXE Sdn. Bhd.

Output (unit)	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Sut (RM)
0	10	0	10	-	-
1	10	2.4	12.4	12.4	2.4
2	10	4	14	7	T
3	10	6.2	P	5.4	2.2
4	10	9.2	19.2	R	3.0
5	10	14	24	4.8	4.8
6	10	20	Q	5	U
7	10	26.4	36.4	5.2	6.4
8	10	33.2	43.2	S	6.8

JADUAL 2

- (d) (i) Berapakah nilai P, Q, R , S, T dan U? [3 markah]
- (ii) Terangkan hubungan antara kos purata dengan kos sut. [3 markah]


Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti ditawarkan bagi tiga jenis barang iaitu X, Y dan Z.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti ditawarkan
X	15	3
Y	6	36
Z	30	30

JADUAL 3

- (e) (i) Berapakah keanjalan harga penawaran bagi barang X, Y dan Z? [3 markah]
- (ii) Tafsirkan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang X, Y dan Z?. [3 markah]


Rajah 1 menunjukkan peralihan keluk penawaran bagi buku Ekonomi Asas.



RAJAH 1

- 3 (a) (i) Terangkan tiga faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran tersebut dari S_0S_0 ke S_1S_1 . [6 markah]
- (ii) Bezakan antara perubahan kuantiti yang ditawar dengan perubahan dalam penawaran. [4 markah]

Rajah 2 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi buah durian.




- (b) (i) Nyatakan keadaan pasaran yang berlaku pada harga RM 2 dan RM 6. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bagaimakah titik E dicapai? [5 markah]

Soalan berikut berdasarkan maklumat di bawah.

Syarikat Puza Sdn Bhd mengeluarkan beg sekolah. Puan Hasnah membeli 4 buah beg sekolah keluaran syarikat tersebut dengan harga RM120. Cik Nurul pula ialah anak Puan Hasnah yang bekerja sebagai kerani jualan di Syarikat Puza Sdn Bhd. Beliau dibayar gaji sebanyak RM800 sebulan.

- (c) (i) Berdasarkan pernyataan tersebut, lukis rajah aliran pusingan pendapatan bagi situasi di atas. [4 markah]
- (ii) Terangkan perbezaan antara aliran fizikal dengan aliran wang. [4 markah]



Gambar 3

4. Berdasarkan gambar 3 di atas:


- (a) (i) Nyatakan ciri-ciri gambar di atas [3 markah]
- (ii) Terangkan dua fungsi gambar tersebut. [4 markah]

Malayan Banking Berhad mengeluarkan cek kepada pemegang akaun semasa.

- (b) (i) Nyatakan perkhidmatan pembayaran lain yang disediakan oleh bank tersebut. [2 markah]
- (ii) Terangkan perbezaan antara Malayan Banking Berhad dengan EON Finance Berhad. [4 markah]


Mengapa ni Ali?. Kan baru naik pangkat, gaji pun naik juga! Susah hati apa?

Inilah ...harga barang asyik naik je! Tengok harga petrol, mula-mula RM 1.70, kemudian RM1.90. Sekarang naik pula kepada RM2.00...Dengar khabar hendak naik lagi kepada RM2.50...



- (c) (i) Nyatakan keadaan ekonomi yang dialami dalam situasi di atas? [1 markah]
- (ii) Bagaimanakah bank pusat membantu mengatasi masalah tersebut? [6 markah]
- (d) Jelaskan tiga konsep yang berlandaskan prinsip Islam yang dilaksanakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad. [5 markah]

5. Gambar 4 menunjukkan perubahan pekerjaan daripada sektor utama kepada sektor kedua dan sektor ketiga.



Gambar 4

- (a) Terangkan kesan perubahan tersebut kepada ekonomi negara. [4 markah]

Hasil Kerajaan	Perbelanjaan Kerajaan
Cukai Langsung Cukai Tidak Langsung Hasil Bukan Cukai	Perbelanjaan Mengurus Perbelanjaan Pembangunan

JADUAL 4

- (b) Berdasarkan jadual 4 di atas :

- (i) Berikan dua contoh hasil bukan cukai. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tujuan cukai tidak langsung dikenakan oleh kerajaan? [2 markah]
- (iii) Terangkan perbezaan antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan. [4 markah]

Jadual 5 di bawah menunjukkan jenis dagangan dan imbangan pembayaran antara Malaysia dan Itali.

Perdagangan Antarabangsa/ Butiran	Malaysia (RM)	Itali (EURO)
		
Eksport	395 678	295 645
Pengangkutan	-12 126	-6 124
Urus niaga kerajaan	33	50
Pendapatan	-33 491	20 468
Import	213 756	203 744
Perjalanan	20 784	19 15
Pindahan semasa	- 7 726	5 735
Perkhidmatan lain	- 16 158	- 15 157

JADUAL 5

(c) (i) Hitung imbangan dagangan Malaysia yang berikut:

- imbangan akaun dagangan [1 markah]
- imbangan akaun perkhidmatan [1 markah]
- imbangan akaun semasa [1 markah]

(ii) Huraikan keburukan perdagangan antara negara Malaysia dengan negara Itali. [4 markah]

(d) Apakah kepentingan pertukaran asing bagi sesebuah negara. [2 markah]

(e) Jelaskan perbezaan antara perdagangan dalam negeri dengan perdagangan antarabangsa. [4 markah]

Bahagian B**[25 markah]***Soalan ini wajib dijawab.*

- 6 Pn. Zara seorang setiausaha di Syarikat Arba Jaya Sdn. Bhd. Beliau menetap di Taman Seri Wang Perlis. Setiap tahun beliau membayar cukai pintu. Beliau juga perlu membayar cukai perkhidmatan apabila membawa keluarganya menginap di hotel.

Memandangkan dunia kini telah mengalami kemelesetan ekonomi global, keadaan ini turut memberi kesan kepada negara Malaysia. Oleh itu kerajaan melalui dasar belanjawan negara telah menjalankan beberapa langkah untuk mengatasi masalah ekonomi tersebut. Ekoran daripada masalah tersebut, banyak syarikat telah memberhentikan operasi pengeluaran dan pekerja mereka termasuk Syarikat Arba Jaya Sdn. Bhd.

Pn. Zara juga telah diberhentikan kerja. Oleh itu beliau terpaksa mencari sumber pendapatan lain. Berbekalkan wang pampasan yang diterima sebanyak RM25,000 daripada Syarikat Arba Sdn. Bhd., beliau mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan "Serbuk Kari Idaman" resipi keluarganya. Dalam proses pengeluaran produknya beliau telah menggunakan sebuah mesin pengisar cili, 4 orang pekerja serta bekalan rempah ratus dari luar negara. Setelah 2 tahun beroperasi, pengeluaran "Serbuk Kari Idaman" telah meningkat berikutan permintaan yang tinggi di pasaran tempatan kerana harganya yang rendah dan rasanya yang enak. Bagi memenuhi permintaan pelanggan, Puan Zara telah memesan 2 unit mesin pengisar cili dari Amerika Syarikat dengan harga US\$1 500 seunit. Pada masa itu kadar pertukaran asing ialah US\$1.00 bersamaan RM 3.70.

Berkat kegigihan dan kesabaran, kini perniagaan beliau semakin maju. Puan Zara cuba memasarkan "Serbuk Kari Idaman" ke India, tetapi beliau mendapat terdapat beberapa sekatan dalam memasarkan produk tersebut ke India berbanding dengan pasaran tempatan.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Nyatakan dua jenis cukai yang dibayar oleh Puan Zara. [2 markah]
- (ii) Bezakan antara dua jenis cukai tersebut. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah kerajaan memulihkan keadaan ekonomi melalui belanjawan negara. [4 markah]

- (c) (i) Hitungkan nilai pembelian mesin yang perlu dibayar oleh Puan Zara dalam sebutan Ringgit Malaysia (RM). **[2 markah]**
- (ii) Nyatakan dua jenis input yang terlibat dalam pengeluaran “Serbuk Kari Idaman”. **[2 markah]**
- (iii) Terangkan perbezaan antara dua jenis input tersebut. **[4 markah]**
- (d) Terangkan sekatan-sekatan yang dihadapi oleh Pn Zara dalam usaha memasarkan “Serbuk Kari Idaman” ke India. **[7 markah].**

KERTAS SOALAN TAMAT